

**SIARAN MEDIA**  
**9 JUN 2016**

**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

**PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM (PDP) ANJURAN EKUINAS  
MENINGKAT KE 75 PELATIH – MEMBENTUK MODAL INSAN BERDAYA SAING  
UNTUK PASARAN KERJA**

**Fakta Utama:-**

- ILTIZAM, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) EKUINAS, memberi tumpuan kepada tiga tuggak utama; Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, dan tahun ini Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM di bawah tuggak Pendidikan menyaksikan 48 bakat muda yang dinamik menamatkan latihan selama setahun di Ekuinas dan syarikat portfolio Ekuinas.
- PDP menjangkau tahun kelima dan berdasarkan rekod pencapaiannya, telah berjaya menarik lebih 3,000 permohonan berbanding 1,500 pada tahun 2015, di mana 75 pelatih telah terpilih dan ditawarkan peluang menyertai program 2016/2017.

**KUALA LUMPUR, 9 Jun 2016:** ILTIZAM, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) EKUINAS baru-baru ini menganjurkan Majlis Graduasi 2015/2016 dan Pendaftaran 2016/2017 untuk Program Pembangunan Profesional (PDP) di Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun di Taman Tun Dr Ismail.

ILTIZAM memberi fokus kepada tiga tuggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan serta Komuniti. PDP di bawah tuggak Pendidikan ini menjurus kepada pembangunan graduan Bumiputera untuk menjadi modal insan berdaya saing selepas menamatkan program tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, "Kami gembira bahawa PDP mendapat sambutan yang amat memberangsangkan sehingga menarik lebih 3,000 permohonan pada tahun ini. Ianya menggalakkan kami ke arah menjadikan program ini lebih berkesan dan menarik. Dengan penyertaan syarikat portfolio dan rakan baharu yang terdiri daripada syarikat-syarikat korporat, saya percaya PDP ini berupaya menjadi satu platform yang

baik untuk membentuk graduan muda menjadi modal insan berdaya saing untuk negara kita, Insya Allah.”

Pada tahun ini, 48 orang pelatih telah menamatkan PDP selepas menjalani latihan intensif selama 12 bulan yang melibatkan Kemahiran Perniagaan dan Pengurusan, Pembangunan Kepimpinan, kursus Bahasa Inggeris mingguan, Komunikasi dan Pembentangan, Kewangan dan Kepintaran Perniagaan, ‘Teambuilding’ dan Ketahanan Fizikal, Bimbingan dan Pementoran. Antara acara menarik program termasuk tiga Projek Khas iaitu *Ekuinas Bright Future Video*, *My Private Business Venture* dan Ekspedisi Gunung Nuang.

Sejak pelancarannya pada tahun 2012, program ini telah berkembang enam kali ganda daripada sembilan pelatih terawal sehingga ke 75 pelatih bagi pengambilan 2016/2017. PDP mencatat kejayaan 90% di mana pelatih menamatkan program ini dengan cemerlang. Mereka kemudiannya telah mendapat tawaran pekerjaan di syarikat portfolio Ekuinas, atau mendapat pekerjaan di syarikat terkenal seperti Petronas Dagangan, Malaysia Building Society Berhad, MATRADE, Polis DiRaja Malaysia, Naza World dan banyak lagi. Ada juga yang memilih untuk meneruskan pengajian mereka.

Tambah Syed Yasir Arafat, PDP melalui proses penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan program ini berjaya membangunkan individu yang berdaya tahan, bijak menangani cabaran dunia sebenar dan mahir dalam selok-belok perniagaan. Komponen baharu termasuk latihan ketahanan fizikal yang mempersiapkan pelatih untuk mendaki Gunung Nuang pada penghujung Mei, kerja kreatif dalam pasukan untuk menghasilkan video promosi program PDP. Di samping itu, tahun ini ILTIZAM juga telah memperkenalkan aspek baru PDP yang memerlukan pelatih untuk memulakan perniagaan dengan pembiayaan modal benih yang disediakan oleh Ekuinas. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan para pelatih yang boleh menjadi kerjaya alternatif mereka di masa hadapan.

Pada majlis itu, pelatih dari kumpulan 2015/2016 mempamerkan pelbagai persembahan motivasi seperti tarian, sketsa dan persembahan video yang menggambarkan pengalaman mereka sepanjang program. Acara tersebut turut memuatkan satu sesi soal jawab BICARA ILTIZAM bersama Remy Ishak, pelakon terkenal dan bakal usahawan Malaysia, yang telah berkongsi

pengalaman hidup beliau dalam mengatasi liku-liku cabaran – serta memberi semangat kepada pelatih-pelatih baru untuk terus berusaha dan tidak putus asa – selari dengan semangat ILTIZAM.

Sementara itu dalam ucapannya, Datuk Noriyah Ahmad, Pengurus Jawatankuasa CSR Ekuinas berkata integriti itu adalah paksi utama bagi setiap individu dalam kerjaya dan kehidupan mereka. Beliau mengingatkan sewaktu menutup ucapannya, “Saya ingin menekankan satu mesej utama kepada semua graduan di sini hari ini. Ingatlah bahawa integriti adalah faktor terpenting untuk mencapai kejayaan. Ianya bermakna seseorang individu itu bertindak secara berhemah dalam apa jua keadaan dan ianya menuntut keberanian.”

Sesi pengambilan PDP adalah setahun sekali dan permohonan dibuka dari awal bulan Januari sehingga April. Kumpulan sasar program terdiri graduan dari universiti tempatan dan calon disenarai pendek akan menghadiri sesi penilaian yang lazimnya diadakan pada bulan Mei. Keutamaan diberikan kepada graduan-graduan yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah.

###

#### **Mengenai ILTIZAM**

ILTIZAM diinspirasikan daripada keazaman dan kegigihan dalam usaha seseorang merealisasi potensi. ILTIZAM, seperti namanya, bertujuan mendorong mereka yang terlibat untuk membuat pembaharuan dan transformasi dalam kehidupan masing-masing. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan komuniti Bumiputera dan membantu merealisasikan potensi penuh mereka di bawah tiga tunggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

Untuk maklumat lanjut mengenai Ekuinas dan ILTIZAM, layari [www.ekuinás.com.my/iltizam](http://www.ekuinás.com.my/iltizam).

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
Vinotharan Kurukullam (Vino) – 012 391 1759; [vino@bzbee.com.my](mailto:vino@bzbee.com.my)  
Zalina Abdul Aziz – 019 396 6544; [zalina@bzbee.com.my](mailto:zalina@bzbee.com.my)

Dikeluarkan oleh bzBee Consult Sdn. Bhd. Bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad.